

16 NOV 2001

Maghribi-Keganasan

MAGHRIBI BERPENDIRIAN SAMA SEPERTI MALAYSIA MENGENAI ISU KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Maghribi hari ini menyuarakan sokongan terhadap gesaan Malaysia supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menangani masalah keganasan dan menganjurkan satu persidangan antarabangsa mengenainya.

Perdana Menteri Maghribi Abderahmane El Yousouffi berkata seperti Malaysia, negaranya juga tidak bersetuju dengan serangan yang diketuai oleh Amerika Syarikat terhadap Afghanistan kerana ia hanya membunuh orang awam yang tidak bersalah.

Dalam temubual khas dengan Bernama sebelum berlepas pulang ke negaranya semalam selepas melakukan lawatan negara empat hari ke Malaysia, Abderahmane berkata walaupun Magribi merupakan antara negara yang pertama mengutuk serangan terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept, negara itu berpendapat tindakan kuasa besar itu mengebom Afghanistan bukan merupakan langkah berkesan untuk memerangi keganasan.

"Kita sepatutnya menggunakan strategi serta bentuk tindakan, yang antara lain, melibatkan perkongsian maklumat dan yang paling penting, persetujuan mengenai takrif keganasan," katanya.

Katanya dalam mentakrifkan keganasan, jawatankuasa antarabangsa tidak seharusnya keliru dengan perjuangan halal bagi membebaskan negara.

Abderahmane berkata Maghribi kesal dengan tindakan Amerika yang mengenakan sekatan visa terhadap lelaki dari negara-negara Islam termasuk Malaysia dan Maghribi kerana ia bersifat diskriminasi.

Katanya banyak orang yang tidak terabit dengan keganasan seperti penuntut, pelancong dan mereka yang memerlukan rawatan perubatan akan terjejas dan yang pastinya satu "peraturan yang lebih bertamadun bagi hubungan antarabangsa" diperlukan.

Abderrahmane juga berkata kini penuntut beragama Islam perlu mencari peluang untuk melanjutkan pelajaran di negara-negara Islam memandangkan mereka menghadapi masalah untuk menuntut di negara-negara barat berikutan serangan penganas pada 11 Sept itu.

Menurut beliau Malaysia adalah antara negara yang mempunyai banyak institusi latihan dan universiti termasuk dalam bidang telekomunikasi dan petroleum yang mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Abderrahmane berkata lawatannya ke Malaysia -- lawatan negara yang pertama oleh perdana menteri negara itu -- merupakan peristiwa penting dalam usaha mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Katanya ini khususnya dalam mewujudkan kesedaran tentang pelbagai peluang yang boleh diperluaskan oleh kedua-dua negara.

Beliau berkata penubuhan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Maghribi yang meliputi bidang ekonomi, teknikal, saintifik dan kebudayaan akan menjadi pemangkin ke arah mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Semasa lawatannya, Malaysia dan Maghribi juga menandatangani memorandum persefahaman mengenai perjanjian perkhidmatan udara serta pertukaran kepakaran dalam bidang teknologi maklumat antara Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Moroccan Information Technopark Corporation.

Abderrahmane yang mengetuai 36 anggota rombongannya termasuk ahli perniagaan dalam bidang telekomunikasi, perikanan, industri dan pertanian, kagum dengan kemajuan yang dicapai oleh negara ini dalam bidang telekomunikasi dan industri petroleum.

Beliau berharap Petronas, yang berpengalaman luas di peringkat antarabangsa dalam bidang cari gali minyak dan gas, akan mengambil bahagian

secara aktif di Maghribi.

Kini dagangan antara Malaysia dan Maghribi bernilai RM86 juta setahun dan memihak kepada Malaysia.

Beliau percaya dagangan dua hala kedua-dua negara akan terus meningkat melalui kesedaran baru tentang wujudnya pelbagai peluang.

Katanya Malaysia dan Maghribi juga bersetuju memansuhkan syarat-syarat visa dan berharap perkara ini dapat dilaksanakan semasa lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Maghribi tahun depan.

Beliau juga berharap lawatannya ke negara ini akan mendorong lebih banyak rakyat daripada kedua-dua negara bertukar-tukar lawatan bagi memupuk persefahaman sesama mereka.

-- BERNAMA

HK ZS SP